



**ROBIAH Abdullah (kanan) dan ahli keluarganya mengemas rumah mereka selepas banjir lumpur melanda di Kampung Paya Burma, Kok Klang, Chuping, Perlis, semalam.** - UTUSAN/FAIZAL ABU HASSAN



**MOHD. Roshidi Abu Bakar mengendong anaknya, Mohd. Wafi untuk berpindah selepas rumah mereka dinaiki air di Kampung Rambai, Pauh, Arau, Perlis, semalam.**

# Perlis, Kedah turut banjir

Oleh **SAFINA RAMLI**  
pengarang@utusan.com.my

**ALOR SETAR** 8 Mac - Beberapa kawasan di Perlis dan Kedah turut dilanda banjir kilat serentak dengan kejadian yang sama di Lembah Klang semalam. Sehingga petang ini, ramai penduduk yang dipindahkan ke kawasan selamat berikutan air semakin naik. Di daerah Changlun, kira-kira 180 penduduk dari 12 kampung dipindahkan di dua pusat pemindahan banjir sehingga pukul 5 petang hari ini.

Pegawai Kebajikan Daerah Kubang Pasu, Mohd. Shabbri Othman berkata, dua pusat pemindahan yang dibuka ialah di dewan orang ramai Masjid Sungai Laka yang menempatkan 31 keluarga (112 orang) dan dewan orang ramai Kampung Kubang Betong yang menempatkan 17 keluarga (68 orang).

Menurutnya, kampung yang ter-

jejas adalah Kampung Paya Nongmi, Belakang Pasar Changlun, Padang Pasir, Masjid, Paya Lantau dan Paya Lantau Dalam, Titi Kerbau, Kubang Hamid, Taman Sayang, Pekan Lama Changlun, Pasar Changlun serta sekitar pekan Changlun lama.

Sementara itu di Perlis, sebanyak 34 keluarga di Kampung Rambai, Padang Siding dekat Arau dipindahkan ke sebuah surau ekoran banjir kilat yang melanda kampung itu malam tadi.

Hujan lebat beberapa jam bermula pukul 10 malam itu menyebabkan paras air di sungai berdekatan melimpah.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Rambai, Jamil Mat berkata, kesemua mangsa diarah berpindah setelah rumah mereka dinaiki air sehingga satu meter.

Katanya, mereka bagaimanapun pulang ke rumah masing-masing setelah banjir mula surut pukul 5 pagi ini.

Menurut beliau, ini banjir kilat pertama tahun ini dan agak buruk berbanding tahun lalu.

Jamil memberitahu, pemeriksaan awal mendapati, banjir disebabkan air sungai di kampung berkenaan melimpah lebih-lebih lagi kerana menjadi tempat pertembungan Sungai Arau dan Sungai Kok Klang.

"Selain itu, aliran air di sungai kampung tersebut juga didapati tersekat sejak pembinaan jalan baharu. Ia dipercayai disebabkan pemetang yang dibina agak kecil bagi menampung jumlah aliran air yang banyak khususnya ketika hujan lebat," katanya.

Salah seorang mangsa, Mohd. Roshidi Abu Bakar, 35, berkata, dia menyedari air memenuhi kawasan rumahnya yang terletak di tepi sungai sejak pukul 10 malam tadi.

"Air meningkat hingga satu meter dan saya mula bimbang kerana sebelum ini, air hanya mencecah ke lantai rumah," katanya.



**KAMPUNG Paya Nongmi, Changlun, Kedah, yang turut dilanda banjir semalam.**

## Kanak-kanak 9 tahun dikhuatiri lemas

**IPOH** 8 Mac - Seorang kanak-kanak berusia sembilan tahun dikhuatiri lemas dipercayai dibawa arus deras selepas tergelincir dalam longkang sedalam antara dua hingga tiga meter di Kem Syed Putra, Jalan Tambun di sini semalam.

Mangsa, Yushairiezal Judin dikatakan bermain bola sepak bersama rakannya dengan memakai seluar sekolah berhampiran longkang berkenaan dan tidak pulang ke rumah sehingga tengah malam.

Ibunya, Mazlinah Rintan, 31, berkata, selepas gagal menemui anaknya di kawasan kem berkenaan termasuk di sekolah, dia akhirnya membuat laporan polis hari ini.

"Yushairiezal bermain berhampiran dengan dua longkang besar dan ketika itu hujan lebat. Saya bimbang jika dia tergelincir dan dibawa arus yang kuat," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Azisman Alias berkata, polis menemui seluar biru dipercayai milik mangsa tersangkut di ranting di Sungai Pinji.

"Operasi mencari bermula dari longkang sehingga ke Sungai Pinji namun, gagal menemui mangsa dan ditangguhkan pada pukul 7.30 petang untuk diteruskan pada keesokan hari berikutan cuaca gelap.

"Bagaimanapun, kita masih belum dapat memastikan mangsa benar-benar jatuh ke dalam longkang kerana belum ada bukti menunjuk-



**SEBAHAGIAN penduduk menyelamatkan perabot berikutan banjir melanda di Taman Perumahan Awam Padang Tembak, Teluk Intan, Perak, semalam.**

kan kejadian itu selain rakan-rakannya juga tidak mengetahui kehilangannya," katanya.

Sementara itu, Ketua Operasi dari Jabatan Bomba dan Penyelamat

Ipoh, Amat Sapekis berkata, pihaknya menerima laporan tersebut pada pukul 2.14 petang dan enam anggota dikejarkan ke kawasan kejadian.

"Hujan lebat menyebabkan paras air semakin meningkat dan operasi dilakukan dengan menyusuri daratan termasuk sepanjang Sungai Pinji.

"Kita juga memaklumkan Balai Bomba Pasir Puteh dan Batu Gajah bagi mengesan mangsa di laluan sungai berhampiran. Operasi mencari akan disambung esok," katanya.

# Utamakan Kedah - Johari

JITRA 8 Mac -Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Baharom meminta Kerajaan Pusat memberi keutamaan kepada projek tebatan banjir di Kedah.

Mohd. Johari yang juga Pengerusi Majlis Tindakan Negeri berkata, beliau merayu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk melihat semula keputusan yang dibuat dahulu dengan memberi keutamaan kepada projek tebatan banjir di negeri ini.

“Kalau kita lihat, Kedah kerap berlaku banjir. Sejak 2005 hingga sekarang, kira-kira 15 kali berlaku banjir teruk di negeri ini dan ia melibatkan kerugian yang besar.

“Jadi, kita harap projek ini dapat dipertimbangkan semula,” katanya sini hari ini.

---

## Amaran hujan lebat

KUALA LUMPUR 8 Mac - Jabatan Meteorologi menaikkan amaran peringkat jingga bagi kawasan ibu kota ekoran hujan lebat dan ribut petir yang diramal berterusan sehingga Rabu ini.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, jabatan itu memberitahu, selain sekitar ibu kota dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, amaran sama turut diberi di beberapa lokasi di Selangor sehingga lewat petang ini.

“Antara daerah yang terlibat adalah Kuala Selangor, Kuala Langat, Klang, Petaling dan Gombak,” katanya.

Kenyataan itu menambah, amaran ribut petir dan hujan lebat turut dikeluarkan bagi beberapa negeri lain seperti Perak, Pulau Pinang dan Kedah.

---

## Syabas aktifkan ERP

KUALA LUMPUR 8 Mac - Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) kod kuning ekoran hujan lebat semalam menyebabkan kadar kekeruhan tinggi di Sungai Langat.

Pengarah Eksekutif Bahagian Hal Ehwal Korporat Syabas, Abdul Halem Mat Som berkata, kadar kekeruhan tersebut menyebabkan loji rawatan diberhentikan operasinya.

“Keadaan itu boleh mengakibatkan gangguan bekalan air pada skala yang besar,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini.

Dalam perkembangan sama, katanya, Pengerusi Eksekutif Syabas, Tan Sri Rozali Ismail turun padang untuk meninjau masalah di Loji Langat, Hulu Langat hari ini.